

31/12/1999

Amalan lantik naib presiden ikut negeri tidak sesuai

KUALA LUMPUR, Khamis - Umno tidak memperuntukkan jawatan naib presiden parti mengikut negeri kerana amalan seumpama itu boleh memecahkan parti, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri yang juga Presiden Umno, berkata parti itu tidak boleh menerima sikap parokialisme (berfikiran sempit) kerana semua orang mesti menganggap mereka sebagai rakyat Malaysia.

"Kita tidak boleh kata saya orang Kedah patut ada pengerusi Kedah, orang Perlis pula hendak pengerusi dari Perlis.

"Kita (Umno) tidak ada peruntukan seperti itu, ia hanya akan memecahkan Umno kepada negeri-negeri ... parokialisme kita tidak terima," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Persidangan Kajian Agama Antarabangsa di Hotel Palace Of The Golden Horses, Mines dekat sini, hari ini.

Dr Mahathir berkata demikian ketika diminta mengulas kenyataan Ketua Pergerakan Wanita Umno Sabah, Datuk Norjan Khan, yang meminta satu daripada tiga jawatan Naib Presiden Umno diperuntukkan kepada Sabah.

Norjan dipetik sebagai berkata, permintaan itu berpatutan kerana Sabah mempunyai ahli teramai dan cawangan parti terbanyak.

Perdana Menteri berkata, pemimpin Umno peringkat negeri tidak sepatutnya mendesak pucuk pimpinan untuk memberi kuota jawatan tertentu kepada negeri terbabit kerana semangat kenegerian akan mencetuskan perpecahan dalam parti.

Mengulas cadangan Pergerakan Pemuda Umno untuk membuka pintu lebih luas kepada generasi muda di bawah 30 tahun pula, Dr Mahathir berkata Umno menerima sesiapa saja untuk menjadi ahli asalkan mereka patuh dan memahami perjuangan parti.

"Siapa juga boleh masuk (Umno) sama ada profesional atau tidak profesional. Tetapi jangan masuk semata-mata hendak tempat, hendak dapat sesuatu untuk diri sendiri.

"Mereka mesti masuk kerana percaya kepada perjuangan Umno," katanya.

Kelmarin, Pemangku Ketua pergerakan itu, Datuk Hishammuddin Hussein, memberitahu Berita Harian, pergerakannya sedang mengkaji untuk meminda perlembagaan bertujuan memberi laluan kepada generasi muda berusia bawah 30 tahun untuk membabitkan diri secara aktif dalam politik.

Bagaimanapun, beliau berkata, cadangan itu akan dikaji dengan teliti oleh exco Pemuda sebelum meminta kelulusan Majlis Tertinggi Umno.

Dalam perkembangan lain, Dr Mahathir berkata sebarang cadangan untuk mempercepatkan tarikh Perhimpunan Agung dari jadual asal pada Jun perlu menepati semua syarat.

(END)